

12 JAN 2000

Rais-Umno

FAHAMI FASAL 3 PERLEMBAGAAN PARTI, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Anggota Umno perlu memahami secara mendalam Fasal 3, Perlembagaan Umno yang menyatakan secara khusus tentang asas dan tujuan penubuhan parti itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

"Fasal 3 mencanaikan apa itu Umno serta perjuangannya dan apa yang harus dilakukan setiap anggota," katanya.

Fasal itu juga menyebut maksud agenda Melayu dan erti bersatu, bersetia dan berkhidmat, katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas saranan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua anggota Umno kembali ke perjuangan asal tanpa mementingkan diri dan individu.

Semalam, selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno dari seluruh negara, Dr Mahathir berkata parti akan musnah jika kesetiaan beralih daripada parti kepada individu.

Rais yang juga penasihat Umno Bahagian Jelebu berkata, pandangan Dr Mahathir itu perlu difahami oleh golongan veteran dan muda dalam parti.

Beliau mendakwa ramai golongan muda masa kini tidak lagi menghayati slogan bersatu, bersetia dan berkhidmat serta tidak begitu memahami perjuangan sebenar parti.

"Ramai golongan muda bila ditanya apa sebab masuk Umno, mereka tak dapat jawab kecuali senyum. Sebab mereka segan nak jawab. Mungkin mereka tak ingat lagi petua asas atau perjuangan asas (parti)," katanya.

Rais berkata, beliau bersyukur kerana semangat kembali berjuang bagi parti disuntikkan semula kepada anggota Umno.

Yang penting, khidmat kerana jika khidmat kepada rakyat tidak dapat dilaksanakan, maka `bersatu' dan `bersetia' itu mungkin tergantung, katanya.

Oleh itu, katanya, anggota veteran Umno yang benar-benar faham akan perjuangan parti harus memainkan peranan mereka membimbing Pemuda dan Wanita kembali kepada perjuangan sebenar parti.

-- BERNAMA

NZ PR